

Malaysia kekal jadi tarikan pelabur asing – Rafidah

UM - 30/6/2007



Bergerak ke hadapan, beliau berkata Malaysia perlu bersaing dengan ekonomi baru muncul yang lain untuk mendapatkan kepentingan aliran masuk FDI global

KUALA LUMPUR 29 Jun - Malaysia kekal menarik di kalangan pelabur seberang laut dalam tempoh lima bulan pertama 2007 meskipun terdapat saingan dalam menarik pelaburan asing langsung (FDI), kata Menteri Perdagangan Antara-bangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

Daripada jumlah pelaburan RM25.5 bilion dalam sektor pembuatan antara bulan Januari dan bulan Mei tahun ini, 50.2 peratus atau RM12.8 bilion ialah dari pelaburan asing, kata beliau pada majlis pengumuman terbitan Laporan Perdagangan Antarabangsa dan Industri 2006 di ini.

Jumlah pelaburan itu ialah untuk 379 projek pembuatan, 244 projek baru dan 135 projek pengembangan/peluasan dan pelbagaian.

Bergerak ke hadapan, beliau berkata Malaysia perlu bersaing dengan ekonomi baru muncul yang lain untuk mendapatkan kepentingan aliran masuk FDI global.

"Kita perlu berusaha ke arah mendapatkan syarikat yang betul dan sesuai untuk datang ke sini dan melabur di samping mendapatkan syarikat yang telah bertapak di sini untuk bergerak ke tahap yang lebih tinggi. Ia boleh dilakukan dengan membuat pelaburan-pelaburan asing bagi mengembang dan mempelbagaikan operasi mereka," kata beliau.

Bagi kerajaan pula, ia berperanan memastikan Malaysia kekal menjadi lokasi berdaya saing untuk pelaburan dalam sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan, katanya.

Fokus tahun ini ialah langkah-langkah spesifik untuk memastikan strategi yang telah dikenal pasti dalam Rancangan

Malaysia Kesembilan dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga dilaksanakan dengan berkesan, kata Rafidah.

Untuk pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini, beliau berkata ia disasarkan untuk mengembang sebanyak enam peratus dalam persekitaran inflasi yang sederhana.

Pada persidangan akhbar kemudian, Rafidah ditanya mengenai layanan

Skim Tarif Keutamaan Kesan Sama Rata (CEPT) untuk industri automotif yang telah Thailandersetujui berikan kepada Malaysia.

Beliau berkata, ia mungkin mengambil masa sebulan sebelum ia dilaksanakan kerana Thailand mempunyai prosedurnya sendiri seperti pewartaan.

Ditanya jika pengukuhan ringgit menjejaskan eksport, Rafidah berkata, aliran keseluruhan industri eksport menunjukkan peningkatan walaupun terdapatnya beberapa masalah.

"Apabila kita melihat eksport merosot, ia bukanlah trend menurun. Ia hanyalah perubahan turun naik bulanan. Pertumbuhan tahunan secara keseluruhan masih kekal di situ," kata beliau.

Bagaimanapun, kalau ada apa-apa masalahpun di sepanjang proses pertumbuhan ini, ia adalah perkara biasa, kata menteri itu sambil memberi contoh yang bulan Februari pada kebiasaannya mencatatkan eksport yang rendah kerana musim perayaan dan cuti umum.

Rafidah mengulangi perniagaan tidak sepatutnya hanya bergantung kepada "bonus" yang mereka peroleh menerusi kadar pertukaran.

"Kita mesti lebih berdaya saing dan produktif agar turun naik mata wang tidak akan menjejaskan kita langsung," kata beliau.



LAPORAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI 2006